

105 年專門職業及技術人員普通考試導遊人員、領隊人員考試試題

代號：4413
頁次：8-1

等 別：普通考試
類 科：外語導遊人員（馬來語）
科 目：外國語（馬來語）
考試時間：1 小時 20 分

座號：_____

※注意：(一)本試題為單一選擇題，請選出一個正確或最適當的答案，複選作答者，該題不予計分。
(二)本科目共 80 題，每題 1.25 分，須用 2B 鉛筆在試卡上依題號清楚劃記，於本試題上作答者，不予計分。
(三)禁止使用電子計算器。

- 1 Terdapat banyak _____ purba di Muzium Negara.
(A)selimut (B)khazanah (C)tumbuhan (D)plastik
- 2 “_____ dan Lectumi adalah sahabat karib, _____ selalu saling membantu.” kata Christina kepada Patrina.
(A)Kita...mereka (B)Dia...kami (C)Saya...kami (D)Ia...mereka
- 3 “Ampun _____, bolehkah _____ berpantun?” tanya Tuah kepada Sultan Muhamad.
(A)tuanku...patik (B)baginda...beliau (C)hamba...beta (D)patik...anda
- 4 _____ tidak disangka bahawa Chong Ming pandai memasak makanan tradisional Hakka.
(A)Terlalu (B)Paling (C)Amat (D)Betul
- 5 Encik Seimi membaca surat khabar _____ menunggu sarapan yang disediakan oleh Puan Saliza.
(A)sementara (B)semenjak (C)biarpun (D)manakala
- 6 Jurulatih memaklumkan _____ latihan badminton yang akan diadakan petang ini.
(A)antara (B)tentang (C)demi (D)akan
- 7 Mina telah menghendahkan sekuntum bunga _____ cikgu Mok Lih _____ Hari Guru.
(A)dari...daripada (B)kepada...dari (C)daripada...pada (D)kepada...pada
- 8 “_____ cara kamu membuat layang-layang ini?” tanya Ke Xin kepada Rou Sin.
(A)Bagaimanakah (B)Bilakah (C)Mengapakah (D)Berapakah
- 9 Kakak ipar suka _____ tikar mengkuang pada masa lapang.
(A)menjemput (B)menyiram (C)menyulam (D)menganyam
- 10 Swee Mei dan keluarganya sering _____ datuk tua yang tinggal di Tainan.
(A)menziarahi (B)mendatangi (C)mengawasi (D)melancong
- 11 “Burung di zoo sangat _____ sehingga boleh diberi makan,” kata Rosie kepada wartawan.
(A)lemah (B)lucu (C)garang (D)jinak
- 12 Miao Ling sering berjaya dalam pertandingan nyanyi kerana suaranya sangat _____.
(A)sepi (B)merdu (C)garau (D)aneh
- 13 “_____, kamu telah mendapat keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan ini!” kata cikgu Ani kepada Mutu.
(A)Wah (B)Eh (C)Syabas (D)Hai

- 14 Makcik San San membelikan ibu _____ rambutan dan _____ anggur.
(A)sebij...sesikat (B)selongkok...sulas (C)sebuah...sebij (D)setangkai...segugus
- 15 _____ kita akan dapat berjumpa lagi pada masa akan datang.
(A)Harap (B)Sila (C)Jangan (D)Jemput
- 16 Barisan menunggu di lapangan terbang adalah panjang disebabkan oleh pemeriksaan keselamatan yang _____.
(A)ringkas (B)kompleks (C)hebat (D)hangat
- 17 Melalui _____ pelancongan domestik di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur akan dapat menggalakkan lebih ramai rakyat melancong dalam negara.
(A)agensi (B)bagasi (C)lokasi (D)promosi
- 18 Pasar malam Shilin di Taipei menjadi **sunyi** apabila malam semakin larut. Erti berlawanan bagi **sunyi** adalah _____.
(A)aman (B)riuh (C)hiba (D)tenang
- 19 Pakcik Maniam **sering** makan di restoran bandar lama itu kerana masakannya sedap belaka. Erti berlawanan bagi **sering** adalah _____.
(A)jarang (B)sentiasa (C)selalu (D)asyik
- 20 Setiap rakyat mesti hidup _____ untuk mewujudkan masyarakat yang harmoni.
(A)berpecah belah (B)bersatu padu (C)bertepuk tangan (D)bekerja keras
- 21 Kami sekeluarga akan _____ bas ekspres ke Lapangan Terbang Taoyuan pada hari esok.
(A)menduduki (B)menunggu (C)menunggang (D)menaiki
- 22 Kedai kraf tangan itu _____ barang-barang tradisional masyarakat Taiwan.
(A)memasukkan (B)memasangkan (C)mempamerkan (D)menghaluskan
- 23 Sze Wen mengajak Yi Jun _____ di pasar raya Bukit Bintang pada hujung minggu.
(A)bersama-sama (B)berhati-hati (C)membeli-belah (D)mengulang-alik
- 24 Kakak Qing Qing mengirim surat kepada kawannya yang _____ di utara Taiwan.
(A)memujuk (B)memantap (C)menetap (D)memuji
- 25 Kita perlu peka terhadap isu-isu yang _____ alam sekitar demi menjamin suasana persekitaran yang bersih dan selesa.
(A)meningkatkan (B)membabitkan (C)menciptakan (D)mengirakan
- 26 Zi Xian _____ hendak melanjutkan pelajaran di luar negara setelah mendapat dorongan yang tinggi daripada keluarganya.
(A)isi hati (B)besar hati (C)iri hati (D)ada hati
- 27 Tong Ming mengambil sekeping roti sebagai _____ sebelum pergi ke kilang.
(A)perut kosong (B)alas perut (C)alas kosong (D)ikat perut

- 28 Sang Tek seorang yang _____, dia selalu mengulangkaji hingga larut malam.
(A)ada angin (B)ringan tulang (C)anak hati (D)mulut murai
- 29 Maheran seorang yang disukai ramai kerana dia pandai **berjenaka**. Erti bagi **berjenaka** adalah _____.
(A)berbual (B)bertengkar (C)bergurau (D)bermain
- 30 Setelah menggunakan katil yang lembut ini, adik dapat tidur **nyenyak** setiap malam. Erti bagi **nyenyak** adalah _____.
(A)lena (B)leka (C)mudah (D)letih
- 31 10 Oktober setiap tahun merupakan **saat** penting bagi rakyat Taiwan. Erti bagi **saat** adalah _____.
(A>waktu (B)masa (C)detik (D)jangka
- 32 Pesta Bulan Musim Luruh di Taiwan jatuh pada _____.
(A)hari ke 5, bulan lima kalendar Cina (B)hari ke 9, bulan sembilan kalendar Cina
(C)hari ke 15, bulan pertama kalendar Cina (D)hari ke 15, bulan lapan kalendar Cina
- 33 Makanan yang terkenal di Taiwan adalah seperti berikut **kecuali** _____.
(A)nasi kuning (B)misua tiram (C)omelet tiram (D)tauhu busuk
- 34 Pelancong yang melawat ke Taiwan dapat membeli barangan tempatan seperti berikut kecuali _____.
(A)arca kayu (B)barangan kemas (C)barangan seramik (D)santan
- 35 Perkhidmatan _____ disediakan di kota-kota besar dan bandar-bandar kecil di persisiran barat dan timur Taiwan.
(A)lori (B)keretapi (C)kapal terbang (D)motosikal
- 36 Setiap pemandu pelancong harus mematuhi tata etika berikut **kecuali** _____.
(A)sentiasa kemas, bersopan santun, jujur, amanah dan berdedikasi
(B)melibatkan diri dalam apa-apa kelakuan atau tindakan yang memudaratkan imej profesional industri pelancong dan nama baik negara
(C)memastikan bahawa pelancong tidak akan menghadapi apa-apa bahaya yang tidak dijangkakan
(D)sentiasa mengemaskinikan maklumat dan bahan-bahanya mengenai sejarah dan kebudayaan negara dan dasar-dasar kerajaan bagi membantu tugasnya dengan lebih baik dan berkesan
- 37 Ibu telah merebus ubi kayu itu hampir empat jam tapi masih belum _____ lagi.
(A)rangup (B)empuk (C)garing (D)kecil
- 38 Pencemaran laut di Taiwan bertambah _____ kerana tidak mendapat kerjasama daripada kerajaan dan orang ramai.
(A)besar (B)cepat (C)longgar (D)buruk
- 39 Semua murid menumpukan perhatian _____ ceramah yang disampaikan oleh penolong kanan di dewan sekolah itu.
(A)terhadap (B)pada (C)daripada (D)atas

- 40 Kita sangat bangga kerana _____ orang murid sekolah kita dipilih untuk mewakili sekolah dalam pertandingan badminton peringkat negeri.
(A)hanya satu (B)tidak ada (C)beberapa (D)semuanya
- 41 Syeila Ahmad _____ juara dalam _____ menyanyi.
(A)mendapat...pertandingan (B)didapati...pertandingan
(C)menemui...persaingan (D)mendapatkan...tanding
- 42 Encik Barudin tetap meluangkan masa untuk menemani keluarganya, _____ sibuk dengan kerjanya sebagai peniaga.
(A)dengan (B)tidak (C>walaupun (D)tetapi
- 43 Kita harus _____ untuk mencapai kejayaan dan kecemerlangan hidup.
(A)bersantap sini dan sana (B)berusaha bersungguh-sungguh
(C)berperang (D)bersenang-senang
- 44 *Pilih ayat yang sama erti dengan ayat yang diberikan.*
Nisah Haron membeli senaskhah majalah remaja yang bertajuk “Bella” di Kedai Buku Mak Ali minggu lalu.
(A)Majalah remaja yang berjudul “Bella” dibeli oleh Nisah Haron di Kedai Buku Mak Ali minggu lalu.
(B)Minggu depan Nisah Haron ke kedai Buku Mak Ali untuk membeli Majalah “Bella”.
(C)“Bella” ialah majalah remaja yang akan dibeli oleh Nisah Haron di Kedai Buku Mak Ali.
(D)Majalah remaja ‘Mak Ali’ telah dibeli oleh Nisah Haron di sebuah kedai buku yang amat disukainya minggu lalu.
- 45 Saya membeli _____ rantai leher emas dan _____ cincin berlian apabila melancong di Taitung.
(A)sebentuk...seutas (B)sesikat...sebuah (C)sepasang...sebatang (D)seutas...sebetuk
- 46 *Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan bergaris dengan betul.*
I Saya tinggal dengan nenek sejak kecil lagi.
II Buah itu sedap sekali, tapi tinggal satu saja.
III Adik suka tinggal di atas kerusi merah itu.
IV Ayah suka tinggal baju semasa tidur.
(A)I, II dan III (B)IV sahaja (C)I dan II (D)I dan III
- 47 *Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan bergaris dengan betul.*
I Kalau panas, buka tingkap sajalah!
II Gadis itu sanggup buka baju di depan orang ramai.
III Jangan buka mata kamu.
IV Saya suka membaca buka.
(A)Semuanya betul. (B)I sahaja (C)I, II dan III (D)I dan III

- 48 Anak-anak muda _____ makan makanan yang seimbang dan tidak makan _____ berlebihan.
(A)jangan...dengan (B)tidak seharusnya...makanan
(C)suka...dalam (D)sepatutnya...secara
- 49 Abang saya seorang guru besar, _____ isterinya seorang doktor.
(A)manakala (B)walaupun (C)demikian juga (D)akan tetapi
- 50 Pemandu pelancong mestilah tiba di lapangan terbang sebelum rombongan pelancongan _____.
(A)tinggal (B)singgah (C)sampai (D)hingga
- 51 Kalau berlakunya kemalangan jalan raya di Taiwan, saya harus menelefon kepada pihak polis, saya harus tekan digit _____.
(A)sembilan dua satu (B)kosong lapan kosong
(C)sembilan satu satu (D)satu satu kosong
- 52 Berikut adalah makanan halal yang boleh dicuba oleh umat Islam kecuali _____.
(A)Mee goreng udang (B)Mee babi rebus
(C)Nasi lemak dengan telur goreng (D)Kuih lapis
- 53 Puan Nisah: Selamat petang, encik. Apa khabar?
Encik Tan: _____
(A)Selamat petang. Khabar baik. (B)Jangan tanya.
(C)Selamat pagi, itu saja. (D)Terima kasih.
- 54 Sempena menyambut Hari Raya Aidil-Fitri, Anitah mahu belajar cara membuat ketupat. Dia harus tanya:

(A)Adakah ini ketupat kamu yang sedap sekali? (B)Mengapa kamu tidak tahu membuat ketupat?
(C)Adakah kamu orang Taiwan? (D)Bagaimana cara membuat ketupat?
- 55 Banyak pelancong suka melancong di Taiwan kerana terdapat _____ di sini.
(A)orang yang buruk hati (B)pemandangan yang indah
(C)makanan yang kotor (D)minyak yang busuk
- 56 Azizah mendengar radio sambil _____ kerja sekolahnya.
(A)memulangkan (B)mengembalikan (C)menyiapkan (D)menghubungkan
- 57 Anak-anak kampung suka bermain guli _____ waktu petang.
(A)pada (B)di (C)ke (D)dari
- 58 _____ majlis pertunangan abang kamu?
(A)Berapakah (B)Bilakah (C)Mengapakah (D)Ke manakah
- 59 Encik Barudin bin Muhamad _____ apabila diberitahu bahawa anaknya ponteng sekolah.
(A)omong kosong (B)hangat hati (C)makan angin (D)naik darah

- 60 Nantou terletak di kawasan pedalaman Taiwan, oleh kerana itu, pemandangan _____ yang indah menarik perhatian para pelancong.
(A) gunung dan hutan (B) laut dan pantai
(C) makanan dan minuman (D) gunung dan laut
- 61 Kalau seorang pelancong asing terkena keracunan makanan, dia harus _____ dihantar ke hospital.
(A) sedikit (B) sesudah (C) segera (D) sampai
- 62 Penumpang di dalam MRT adalah _____ makan dan minum.
(A) dikasih (B) dibenarkan (C) diberitahu (D) dilarang
- 63 Pemandu bas haruslah _____ syarat-syarat lalu lintas agar menjaga _____ penumpang.
(A) mengunjungi...kecantikan (B) mematuhi...keselamatan
(C) patuh...kesehatan (D) memberi...kesempatan
- 64 _____ saya ada peluang lagi, saya _____ akan mengunjungi Taiwan lagi.
(A) Jika...tidak (B) Mungkin...jangan
(C) Kalau...pasti (D) Walaupun...tetapi
- 65 Semua pelancong adalah _____ untuk membeli insurans sewaktu melancong di luar negeri.
(A) digalakkan (B) disampaikan (C) didatangkan (D) dikerjakan
- 66 Sebagai seorang pemandu pelancongan, kita harus menjaga nama baik negara sendiri _____ di dalam negara _____ di luar negeri.
(A) baik...mahupun (B) jangan...jangan
(C) harus...mesti (D) kalau begitu...bagus
- 67 Hujan sangat lebat. Kampung Sungkak telah dilanda _____.Penduduk kampung akan dipindahkan ke penempatan _____.
(A) kebakaran...tadi (B) kebersihan...nanti
(C) ribut...di sana (D) banjir...sementara
- 68 _____, saya telah berkunjung ke sebuah pameran seni tulisan yang dianjurkan oleh sekolah.
(A) Jangan-jangan (B) Baru-baru ini (C) Selepas (D) Sekelip mata
- 69 Hassan suka sejarah dan dia akan melawat ke Taiwan minggu depan, kamu akan mencadangkannya untuk membuat lawatan ke _____.
(A) zoo negara (B) muzium (C) taman bunga (D) pasar malam
- 70 “_____, Taiwan mempunyai banyak tempat pelancongan yang _____,” kata pegawai pelancongan itu kepada wartawan asing.
(A) Sebenarnya...menarik (B) Setidaknya...tarik
(C) Setingginya...baik (D) Sejauhnya...bagus-bagus

Kira-kira lapan peratus daripada lebih 2.6 juta pesakit diabetes di negara ini tidak sedar menghidap penyakit itu ketika di peringkat awal. Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam berkata, perkara itu berpunca daripada keengganan golongan itu menggunakan kemudahan kesihatan untuk melakukan pemeriksaan.

Beliau berkata, tanpa kesedaran awal, risiko untuk mendapat penyakit peringkat akhir akibat diabetes seperti masalah buah pinggang, mata, otot serta saraf adalah tinggi. “Perkara ini sangat membimbangkan kerana kita mempunyai rangkaian kemudahan kesihatan begitu luas di seluruh negara terutama klinik swasta dan kerajaan. Bagaimanapun, ada sebahagian daripada rakyat tidak menggunakan kemudahan ini dengan optimum untuk mengetahui sama ada mereka mempunyai penyakit ini atau tidak,” katanya dalam sidang akhbar selepas melancarkan alat rawatan dialisis, Lucenxia Intellis di sini hari ini.

Subramaniam seterusnya menasihatkan semua pihak untuk memanfaatkan kemudahan kesihatan sekurang-kurangnya setahun sekali untuk melakukan ujian darah. Lebih-lebih lagi katanya, apabila kebanyakan pemeriksaan tersebut boleh dijalankan tanpa melibatkan sebarang kos. “Banyak farmasi dan makmal swasta menyediakan kemudahan ujian darah, jadi peluang untuk periksa memang banyak tetapi kesedaran tiada, maka tidak ramai yang mengambil peluang melakukan pemeriksaan awal,” katanya.

- 71 Apakah punca yang menyebabkan ramai pesakit diabetes tidak sedar menghidap penyakit itu pada peringkat awal?
- (A)Merokok (B)Jarang bersenam
(C)Enggan melakukan pemeriksaan kesihatan (D)Mengadakan amalan makanan yang sihat
- 72 Apakah risiko yang akan dihadapi bagi pesakit diabetes yang tanpa kesedaran awal?
- (A)sakit jiwa (B)sakit jantung
(C)sistem saraf berkembang (D)masalah buah pinggang, mata, otot serta saraf
- 73 Menteri Kesihatan menasihatkan semua pihak supaya memanfaatkan kemudahan ujian darah sekurang-kurangnya _____.
- (A)sebulan sekali (B)setahun sekali (C)sebulan dua kali (D)setahun dua kali
- 74 Ayat yang **tidak** berkaitan dengan petikan di atas adalah _____.
- (A)ramai orang mengambil peluang menyertai peperiksaan perubatan
(B)banyak farmasi dan makmal swasta menyediakan kemudahan ujian darah
(C)rangkaian kemudahan kesihatan adalah luas di seluruh negara terutama klinik swasta dan kerajaan
(D)sebahagian daripada rakyat tidak menggunakan kemudahan kesihatan dengan optimum untuk mengetahui sama ada mereka mempunyai penyakit kencing manis atau tidak
- 75 Mesej yang ingin disampaikan mengikut petikan di atas adalah _____.
- (A)8% pesakit tidak sedar hidap diabetes (B)8% pesakit tidak sedar hidap bulimia
(C)penyakit kencing manis tidak membahayakan (D)diabetes boleh dikesan melalui pemeriksaan X-ray

Industri kraf tangan tradisional merupakan kerja penghasilan kraf tangan tradisional seperti batik, wayang, gasing dan sebagainya. Industri ini berkait rapat dengan industri pelancongan, terutamanya di desa dan juga di tempat pelancongan. Industri ini merupakan satu industri yang berpotensi besar untuk membantu **meningkatkan** tahap kehidupan masyarakat terutama masyarakat desa dan sementara itu juga memainkan peranan penting dalam mewarisi kesenian penduduk tempatan. Oleh itu, pelbagai tindakan boleh dilakukan untuk memajukan industri ini ke tingkat yang lebih baik lagi.

Langkah yang paling wajar untuk memajukan industri ini adalah dengan **membina** lebih banyak pusat kraf tangan di tempat yang berkenaan. Dengan adanya penubuhan pusat kraf tangan, sudah pasti akan menggalakkan pekerjaan kraf dan meningkatkan penjualan kraf. Dengan itu, banyak produk kraf boleh dipamerkan dan mudah untuk diperolehi oleh pelancong terutama dari luar negeri. Sementara itu, pusat ini juga boleh dijadikan sebagai tempat mendidik pengusaha atau seniman supaya cara pembuatan kraf boleh diwarisi.

Selain itu, kerajaan juga harus mengambil tindakan untuk meningkatkan produktiviti industri ini. Pengenalan teknologi dan reka bentuk yang unik dapat meninggikan lagi keluaran produk industri ini supaya kos menjadi lebih murah dan harga menjadi lebih kompetitif. Produktiviti yang tinggi juga menjadikan industri ini lebih **berdaya saing** dan kreatif untuk memastikan produk mereka terus mendapat tempat dalam hati pelancong.

Kesimpulannya, negara kita mempunyai banyak kraf tangan yang sangat menarik dan dengan tindakan seperti yang disebutkan tadi pasti boleh membantu meningkatkan produktiviti industri kraf tangan.

- 76 Apakah yang **benar** tentang industri kraf tangan?
- (A) Tidak berkait rapat dengan industri pelancongan.
(B) Kerja pembuatan ikan asin dan nasi lemak.
(C) Kerja penghasilan produk kesenian tradisional.
(D) Industri yang tidak ada masa depan.
- 77 Perkataan "**meningkatkan**" dalam karangan di atas juga boleh digantikan dengan ____.
- (A) menurunkan (B) meninggikan (C) membesarkan (D) mengecilkan
- 78 Perkataan "**membina**" dalam karangan di atas adalah seerti dengan ____.
- (A) menubuhkan (B) menaikkan (C) mencari (D) berdiri
- 79 Berikut adalah kebaikan kalau mendirikan lebih banyak pusat kraf tangan, **kecuali** ____.
- (A) Barang kraf tangan boleh dipamerkan di dalam pusat kraf
(B) Kemungkinan besar akan meningkatkan penjualan kraf
(C) Pendidikan kraf akan lebih berkembang
(D) Sewa bangunan di sekitarnya akan naik
- 80 Perkataan "**berdaya saing**" dalam karangan di atas adalah seerti dengan ____.
- (A) kreatif (B) komposisi (C) kompetitif (D) lokasi

測驗式試題標準答案

考試名稱：105年專門職業及技術人員普通考試導遊人員、領隊人員考試

類科名稱：外語導遊人員（馬來語）

科目名稱：外國語(馬來語)（試題代號：4413）

單選題數：80題

單選每題配分：1.25分

複選題數：

複選每題配分：

標準答案：

題號	第1題	第2題	第3題	第4題	第5題	第6題	第7題	第8題	第9題	第10題
答案	B	C	A	C	A	B	D	A	D	A

題號	第11題	第12題	第13題	第14題	第15題	第16題	第17題	第18題	第19題	第20題
答案	D	B	C	D	A	B	D	B	A	B

題號	第21題	第22題	第23題	第24題	第25題	第26題	第27題	第28題	第29題	第30題
答案	D	C	C	C	B	D	B	B	C	A

題號	第31題	第32題	第33題	第34題	第35題	第36題	第37題	第38題	第39題	第40題
答案	C	D	A	D	B	B	B	D	A	C

題號	第41題	第42題	第43題	第44題	第45題	第46題	第47題	第48題	第49題	第50題
答案	A	C	B	A	D	C	C	D	A	C

題號	第51題	第52題	第53題	第54題	第55題	第56題	第57題	第58題	第59題	第60題
答案	D	B	A	D	B	C	A	B	D	A

題號	第61題	第62題	第63題	第64題	第65題	第66題	第67題	第68題	第69題	第70題
答案	C	D	B	C	A	A	D	B	B	A

題號	第71題	第72題	第73題	第74題	第75題	第76題	第77題	第78題	第79題	第80題
答案	C	D	B	A	A	C	B	A	D	C

題號	第81題	第82題	第83題	第84題	第85題	第86題	第87題	第88題	第89題	第90題
答案										

題號	第91題	第92題	第93題	第94題	第95題	第96題	第97題	第98題	第99題	第100題
答案										

備註：